

26/05/2002

Hipokrit Pas terserlah

Syed Akbar Ali

SESETENGAH orang rasa terharu dengan pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Datuk Fadzil Noor di atas pentas walaupun tujuannya untuk membincangkan isu Palestin dan bukan perpaduan Melayu.

Orang Melayu masih menjadi pelupa. Mereka lupa Pas menolak jemputan Umno untuk membincangkan perpaduan Melayu. Beberapa helah digunakan oleh Pas untuk membantutkan usaha perpaduan Melayu. Hanya hipokrit Pas terserlah apabila mereka sudi membincang masalah Palestin dengan Umno. Bagi Pas, perpaduan Melayu kurang penting daripada masalah umat Arab.

Tetapi Setiausaha Agung Pas Nasarudin Md Isa tidak termasuk dalam kalangan pelupa. Beliau memberi penjelasan lanjutan bahawa kerjasama dengan Umno akan tertakluk kepada sesuatu isu. Perpaduan Melayu tidak termasuk dalam senarai kepentingan Pas.

Pas tidak boleh mengizinkan sebarang perpaduan atau perdamaian dengan Umno sebab Pas perlu kepada permusuhan untuk terus memaki dan memfitnah Umno. Ini juga menjadi sebab sahabat sahabat Pas seperti Abim tidak mahu membantu mengadakan pertemuan perpaduan Melayu antara Umno dan pembangkang.

Kehadiran Dr Mahathir, Presiden Umno dan Perdana Menteri bersama Fadzil Noor Presiden Pas untuk membincangkan isu Palestin telah memberi peluang bagi umat Melayu membuat penilaian tepat antara kedua-dua pemimpin itu serta perjuangan yang mereka wakili. Syarahan perdana Palestin itu telah mendedahkan kelibar Presiden Pas yang sebenarnya. Ramai orang berkata mereka rasa mengantuk sewaktu mendengar ucapan Fadzil. Beliau sudah membaca ucapannya daripada nota yang disediakan, tiada beza daripada pembaca berita. Cuma gaya dan suaranya begitu membosankan. Orang Pas sendiri malu dengan prestasi presiden parti mereka.

Fadzil lebih gemar memekik-mekik suaranya berceramah di tepi jalan. Beliau pakar memaki dan memfitnah orang dan amat selesa menggunakan perkataan seperti 'gembala babi' untuk menyampaikan amanat Presiden Pas. Apabila beliau diminta berhujah secara beradab dan intelektual, Fadzil menggelabah.

Dr Mahathir pula melambangkan minda yang cergas dan penuh berilmu. Kewibawaan beliau terserlah dalam ucapan yang bernas dan intelektual yang dibuat tanpa rujuk kepada nota. Beliau juga menampilkan peribadi yang kemas.

Inilah perbezaan antara Dr Mahathir dan Umno yang diwakilinya dan Fadzil Noor serta Pas yang telah menolak jemputan untuk mengadakan perjumpaan perdamaian Melayu.

Umno semakin kuat dan ramai generasi muda sedang mendampingi parti itu. Yang amat mengagumkan adalah bilangan puteri Melayu yang sekarang menyokong Umno.

Lim Kit Siang, Pengerusi DAP berkata parti pembangkang mempunyai peluang tipis pada pilihan raya akan datang kerana sokongan terhadap Umno dan Barisan Nasional adalah sangat kukuh. Kit Siang lebih faham hakikat ini kerana parti beliau baru mengalami kekalahan teruk pada pilihan raya kecil Ketari.

Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Presiden parti Keadilan berkata populariti pakatan pembangkang semakin menurun dan imej parti komponen dalam pakatan itu kurang menyenangkan pengundi. Wan Azizah berkata pakatan pembangkang menjadi semakin tidak menentu.

Oleh itu, keyakinan Dr Mahathir bahawa Umno akan menghancurkan parti

lawan pada pilihan raya akan datang bukan tanpa asas. Dan keyakinan Dr Mahathir ini sudah mula berjangkit kepada ramai ahli parti yang makin tidak sabar menghadapi pilihan raya yang menjelang tiba.

Selepas peristiwa September 11, ramai orang jemu dengan politik ganas dan biadap yang menjadi modal parti pembangkang. Oleh itu, pertemuan Dr Mahathir dengan Fadzil Noor sebenarnya untuk menguntungkan Pas pada waktu parti itu semakin lemah.

Tetapi prestasi Fadzil yang sungguh lembap itu akhirnya merugikan Pas juga. Kenyataan penyokong Pas bahawa Fadzil rasa seronok dapat makan semeja dengan Dr Mahathir merendahkan lagi imej presiden mereka.

Abim yang masih propembangkang yang menganjurkan pertemuan itu juga khuatir dengan kekuatan Umno.

Sebelum ini Abim meragui keputusan mahkamah tentang kes Anwar Ibrahim. Abim membantu menubuhkan parti Keadilan dan membantu parti pembangkang termasuk Pas yang banyak berdemonstrasi dan hampir menghancurkan perpaduan umat Melayu.

Teras perjuangan mereka kononnya untuk membela Anwar Ibrahim. Sebabnya ialah mereka tidak dapat menerima keputusan mahkamah terhadap salah laku Anwar Ibrahim. Tetapi peristiwa penyingkiran penyokong Abim daripada pucuk pimpinan parti Keadilan memaksa mereka berjinak-jinak dengan orang lain. Abim sekarang dalam keadaan terkapai-kapai dan tidak tentu masa depannya.

Abim mungkin terselamat daripada bencana yang lebih besar kerana parti Keadilan sendiri sudah hampir tidak wujud lagi. Mogok lapar desperado yang dilancarkan oleh penyokong parti itu gagal apabila penaung mereka mendapat cuti sakit. Mereka minum air oren. Begitu juga walaupun beribu orang dijemput menghadiri sambutan ulang tahun Datuk Seri Anwar dipenjarakan, akhir sekali hanya beberapa kerat penganjur yang hadir.

Abim patut memberi sokongan tanpa had kepada Umno yang sudah menaikkan martabat bangsa Melayu menjadi bangsa yang terkenal dan dihormati dunia dalam tempoh hanya 44 tahun setelah bangsa Melayu menjadi bangsa yang dijajah dan dipandang hina selama 450 tahun.

Dr Mahathir sebagai pemimpin Melayu diberi penghormatan seluruh dunia terutama sekali negara Barat dan juga oleh negara Islam. Jangan Abim terlalu dungu untuk mengelirukan pencapaian agung seperti ini dengan perbuatan salah laku seks atau penyebaran fitnah.

Sebenarnya Pas tidak ada kena mengena dengan perpaduan Melayu. Seperti mana disebut Dr Mahathir, perpecahan berlaku kerana puak pembangkang, termasuk Abim, memperkudakan isu Anwar Ibrahim. Isu ini juga membabitkan keputusan mahkamah.

Perpaduan Melayu tidak akan terjejas jika segolongan puak minoriti dibimbing dengan betul supaya menghormati sistem demokrasi dan keputusan mahkamah. Perpecahan timbul apabila kumpulan minoriti itu dihasut supaya bertelagah dan menimbulkan huru-hara.

Jika pendirian mereka tentang isu Anwar Ibrahim sudah berubah, Abim belum menjelaskannya secara terbuka. Tanpa kenyataan yang jelas dan terbuka untuk menyesali pendirian mereka dulu, kenyataan Ahmad Azam Abdul Rahman, presiden Abim bahawa sesuatu perlu dilakukan segera mengenai perpecahan Melayu kerana beliau telah insaf dan sedar padah yang bakal berlaku sebenarnya tidak membawa sebarang maksud yang berguna untuk memupuk perpaduan Melayu.

Jika Abim menyesali kesilapan dulu, sila menyuarakannya tanpa membuang masa. Ini akan mempercepatkan lagi proses perpaduan Melayu. Jika mereka tidak mahu berbuat demikian, maka usaha Abim itu hanya satu sandiwara untuk memulihkan imej mereka sendiri yang sekarang menjadi 'kupang tembaga'. Kita berdoa semoga umat Melayu tidak dipermainkan dengan lakonan demi lakonan yang tidak berhenti-henti.

Abim juga harus faham bahawa Umno tidak memerlukan perkhidmatan orang

tengah untuk bermuzakarah dengan sesiapa pun. Umno telah menjemput Pas dengan rasmi untuk membincang perpaduan Melayu. Jika perlu, jambatan Umno masih terbentang luas. Hanya Pas yang memperlekehkan jemputan Umno. Tuduhan Azam bahawa Umno `menyerang Pas macam nak rak' adalah melampau dan lebih membantu menutup takbur dan biadap Pas.

Senario politik tempatan memang sudah menjadi jemu dengan sandiwara parti pembangkang dan kumpulan propembangkang yang berbaik-baik, kemudian bermusuh dan akhir sekali kembali berpakat semula sesama sendiri apabila mereka menjadi lemah. Lihat saja kenyataan terkini Pas, DAP, Parti Rakyat dan Keadilan yang inginkan kerjasama semula untuk menghadapi pilihan raya.

Padah dan bala yang bakal berlaku akan menimpa pembangkang dan parti ulama penipu yang telah menabur fitnah, mencetuskan keganasan, memperlekehkan sistem perundangan negara, cuba menghina perdana menteri dengan panggilan kotor, cuba menghina Islam dan banyak lagi perkara yang buruk yang telah memecah-belahkan umat Melayu. Mereka melakukan dosa besar yang pasti akan membawa padah dan bala. Dan padah ini akan tiba dengan selamatnya pada pilihan raya yang akan datang.

Tetapi perkara pokok yang juga menjadi jelas kepada Abim dan Pas ialah mereka sekarang sudah menjadi `waste product' atau sisa buangan daripada arus gerakan dakwah yang muncul sejak revolusi Syiah pada 1979. Pengasas Abim, Anwar Ibrahim pernah melawat Iran untuk mendapat ilham daripada pejuang Syiah mengenai revolusi itu. Pas juga mendapat untung dan berjaya mengembangkan pengaruhnya di kalangan orang yang turut dihanyutkan revolusi dakwah itu.

Perkara yang telah menguntungkan Abim pada waktu itu ialah kepincangan Umno untuk menangani arus dakwah tahun 80-an. Maka apabila Anwar Ibrahim diberi tawaran `payung terjun' untuk memasuki Umno, Abim mendapat rangsangan `turbo-booster' untuk `menukar Umno dari dalam'.

Tetapi sekarang pantainya sudah berubah sama sekali. Sesudah 20 tahun orang Syiah sendiri sedar revolusi mereka telah gagal. Orang Iran berhijrah dari negara mereka untuk mencari rezeki sebagai penjual jubin dan permaidani di Kuala Lumpur. Pada waktu pemerintahan Shah Iran, orang Iran lari dari Iran untuk menjadi jurutera dan doktor di Amerika Syarikat.

Di serata dunia, negara yang mengorak langkah kemajuan adalah negara yang membangunkan sistem perundangan yang baik dan adil, memberi penekanan kepada sains dan teknologi, memupuk budaya memikir yang berani menyoal yang berteraskan ilmu serta logik dan mendirikan prasarana dan pembangunan fizikal yang maju. Semua ini adalah kehendak Islam yang sebenarnya. Tetapi bagi parti dan gerakan yang kononnya Islam di merata dunia mereka mengambil pendekatan totok dan ketinggalan zaman yang hanya merugikan rakyat.

Pada zaman pasca Perang Dunia Kedua, banyak negara yang baru merdeka mempunyai harapan cerah untuk menjadi negara maju dalam masa yang singkat. Selepas 50 tahun berlalu jelas kelihatan bahawa negara negara yang kononnya Islam sudah gagal dalam perlumbaan ini. Mereka sudah tewas.

Dalam negara kita pun umat Melayu makin lama makin sedar akan hakikat ini. Dan Umno pun tidak perlu bimbang lagi arus dakwah yang tidak membawa apa-apa yang berguna.

Pimpinan ulama di merata dunia menjadi sinonim dengan kemunduran dan kejumudan. Oleh itu pidato berapi yang memekik-mekik laungan takbir hanya tinggal sebagai medan kaum kontot yang berfikiran kontot. Mereka disokong oleh orang yang tidak tahu menahu apa pun mengenai realiti dunia globalisasi.

Dan Anwar Ibrahim memang menjadi pendekar lidah api sewaktu beliau memimpin ABIM dulu, tidak beza daripada pemimpin Pas hari ini. Apa yang membezakan ABIM daripada Pas ialah ahli ABIM tidak tahu di mana letaknya kedai jubah.

Kenyataan Perdana Menteri bahawa parti pembangkang terutama sekali Pas akan mengalami kekalahan teruk pada pilihan raya akan datang bukan satu kenyataan kosong. Perjuangan mereka sudah menjadi satu waste product atau sisa buangan yang tidak berguna.

Inilah masalah yang dihadapi oleh ABIM. Ke mana hala tuju ABIM tanpa janji besar untuk melahirkan `insan kamil', `masyarakat madani', `fahaman syumul' dan sebagainya? Semuanya sudah tidak menjadi. Kamil, madani dan syumul tiba-tiba ghaib. Ke mana hala tuju ABIM tanpa khazanah ajaib yang telah ghaib?

Oleh itu, jangan kita membuang masa dengan sandiwara `perpaduan Melayu' untuk memberi nafas baru kepada puak pembangkang. Masa amat terhad.

Negara lain termasuk negara jiran sedang mencapai kemajuan demi kemajuan dalam semua bidang. Lebih baik kita menggunakan masa untuk membina umat yang rajin beramal soleh supaya kita dapat menandingi dan melebihi kemajuan negara lain.

(END)